

# Rasa bersalah fitnah PM punca Buniyamin jadi 'pelarian'

UM 18 AUG 2002  
PULAU PINANG 17 Ogos — Bekas Ahli Parlimen Bachok Buniyamin Yaakob menjadi 'pelarian' kerana takut dan rasa bersalah setelah memfitnah Perdana Menteri menonton video lucah bersama cucunya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, Buniyamin lari kerana mahu mengelakkan diri daripada ditahan polis.

"Tindakan itu (melarikan diri) maknanya dia sudah takut dan tahu dia buat sesuatu yang salah. Dia lari itu

kerana nak mengelakkan diri daripada ditahan oleh polis," katanya yang juga Menteri Dalam Negeri kepada pemberita selepas merasmikan Forum Kesejahteraan Negara sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2002. Peringkat Negeri Pulau Pinang di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Beliau memberitahu demikian ketika diminta mengulas tindakan bekas Ahli Parlimen Bachok yang masih menyembunyikan diri menyebabkan polis tidak dapat merakamkan keterangan-

nya berhubung kenyataan menuduh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

Buniyamin ketika menyampaikan ceramah politik di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan di Pengkalan Chepa pada 15 Mac lalu mendakwa kononnya Dr. Mahathir dan cucunya menonton video lucah.

Petikan ceramahnya disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini dan susulan daripada itu tiga laporan polis dibuat di

Kuala Terengganu, Pasir Mas, Kelantan dan Baling, Kedah.

Rabu lepas, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan Asisten Komisioner Abdul Rahim Jani menyatakan polis gagal mendapatkan keterangan daripada bekas Ahli Parlimen Bachok itu yang dipercayai sudah menghilangkan diri dan berada di luar Kelantan.

Kelmarin Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat meminta Buniyamin tampil secara sukarela.